

# **KAJIAN KERELEVANAN PENDIDIKAN KETAMADUNAN (SUBJEK MATAPELAJARAN UMUM: TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA - TITAS) DI SALAH SEBUAH UNIVERSITI SWASTA, SELANGOR**

## **A STUDY ON THE IMPORTANCE OF GENERAL SUBJECT “TAMADUN ISLAM & TAMADUN ASIA (TITAS)” IN A PRIVATE UNIVERSITY, SELANGOR**

**Nurul Farhanah Mohd Nasir<sup>1</sup>**  
**Fadhilah Abdul Ghani<sup>2</sup>**  
**Munirah Salamat<sup>3</sup>**  
**Sakinah Husain<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> General Studies Department, UCSI University, Kuala Lumpur  
(E-mail: [NurulFarhanah@ucsiuniversity.edu.my](mailto:NurulFarhanah@ucsiuniversity.edu.my))

<sup>2</sup> Department of Management and Human Resources, Universiti Tenaga Nasional Sultan Haji Ahmad Shah, Muadzam Shah  
(Email: [AFadhilah@uniten.edu.my](mailto:AFadhilah@uniten.edu.my))

<sup>3</sup> School of General Studies, Asia Pacific University, Kuala Lumpur  
(E-mail: [munirah.salamat@apu.edu.my](mailto:munirah.salamat@apu.edu.my))

<sup>4</sup> Faculty of Business and Management, Widad University College, Kuantan  
(Email: [sakinah@widad.edu.my](mailto:sakinah@widad.edu.my))

**Accepted date:** 05 August 2018

**Published date:** 11 October 2018

**To cite this document:** Nasir, N. F. M., Ghani, F. A., Salamat, M., Husain, S. (2018). Kajian Kerelevan Pendidikan Ketamadunan (Subjek Matapelajaran Umum: Tamadun Islam Dan Tamadun Asia - Titas) Di Salah Sebuah Universiti Swasta, Selangor. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(18), 46-54.

---

**Abstrak:** Pendidikan ketamadunan, iaitu subjek matapelajaran umum; Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dirasakan amat penting bagi membentuk dan memupuk jati diri di kalangan anak muda generasi kini. Usaha yang diambil oleh pihak Kementerian lantaran isu semasa seperti cabaran integrasi antara kaum di Malaysia seharusnya dipuji kerana ia merupakan satu inisiatif positif bagi membantu membentuk satu bangsa Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, majoriti responden bersetuju dengan relevansi pendidikan ketamadunan yang diberikan kepada pelajar khususnya di institusi pengajian tinggi swasta. Hal ini kerana subjek ini berjaya memberi manfaat serta pengetahuan tentang sejarah selain mendidik responden tentang akhlak, tingkah laku dan adab dalam kehidupan. Dengan menggunakan kaedah kuantitatif, seramai 92 orang responden telah bekerjasama di dalam kajian ini. Secara asasnya, salah satu asas utama yang menaikkan semangat pelajar untuk mempelajari dan memahami pelajaran ini adalah dengan mempunyai guru yang bersemangat dalam mengendalikan subjek ini. Justeru itu, kajian ini ingin menyatakan tentang kepentingan relevansi pendidikan ketamadunan beserta keperluan guru dalam menerapkan persepsi positif

terhadap pengambilan subjek TITAS sebagai mata pelajaran wajib bagi setiap pelajar tempatan.

**Kata Kunci:** Relevansi, Pendidikan Ketamadunan, Matapelajaran Umum (MPU), Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS)

**Abstract:** The general subject “Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)” is very important to shape and nurture among the younger generations. The efforts taken by the Ministry since the current issues such as the challenge of racial integration in Malaysia should be praised as it is a positive initiative to have a better Malaysian. Based on the findings of the study, the majority of respondents agreed with the relevance of civilizational education given to students, especially in private higher learning institutions. This is because the subject provides knowledge about history besides educating respondents about morality, behavior and manners in life. Using quantitative methods, a total of 92 respondents have collaborated in this study. Basically, one of the primary foundations that motivates students to learn and understand this lesson is to have teachers who are passionate about handling this subject. Hence, this study aims to discuss the importance of the relevance of civilizational education as well as the needs of teachers in applying positive perceptions towards the adoption of TITAS subjects as compulsory subjects for every local student.

**Keywords:** Civilization Education, General Subject, Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS)

---

## Pendahuluan

Pendidikan merupakan satu proses tanpa henti yang memenuhi kitaran hidup manusia. Namun begitu, peralihan zaman dari satu peringkat ke peringkat yang lain menjadikan sistem pendidikan semakin kompleks. Selaras dengan perkembangan dunia, sistem pendidikan perlu bersifat elastik agar dapat menyesuaikan sistem dengan keadaan semasa. Walaupun sistem pendidikan dunia hari ini lebih tertumpu kepada siber-fizikal, namun ia tidak mampu menolak keperluan pembentukan sahsiah insan dalam kehidupan.

Sebelum dunia beralih kepada sistem pendidikan siber-fizikal, pihak Kementerian Pendidikan terlebih dahulu melaungkan moto dasar pendidikan yang menekankan aspek melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelek agar dapat membentuk seorang individu yang berguna kepada keluarga, masyarakat, negara dan agama. Bertitik tolak dengan usaha tersebut, pelan awal pelaksanaan pendidikan ini adalah berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mana dinyatakan bahawa:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005)

Maka, terbuktilah bahawa pendidikan serta penerapan nilai murni di dalam membentuk sahsiah individu tidak dapat dipisahkan bahkan perlu seiring, apatah lagi dalam arus moden ini.

Namun begitu, salah satu cabaran besar dewasa ini selain menjadikan masyarakat maju dan berjaya adalah untuk melahirkan masyarakat yang bermoral dan beretika. Oleh itu, nilai-nilai murni telah dipupuk secara formal (iaitu di dalam penggubalan kurikulum peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah) serta secara tidak formal (iaitu melalui didikan keluarga atau pengalaman semasa seseorang individu). Namun begitu, penerapan nilai ini tidak seharusnya dihentikan sehingga ke peringkat sekolah menengah. Hal ini dibuktikan dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan pemahaman serta aplikasi nilai-nilai murni bagi pelajar di usia sebegini (Wan Hasmah Wan Mamat, 2002).


Kajian juga mendapati bahawa masih ramai belia yang berminat untuk mempelajari etika dan nilai, justeru itu, pendidikan etika dan moral perlu dimanfaatkan sehingga ke peringkat tertinggi, iaitu di peringkat pengajian tinggi. (Chander Vengadasalam, et. al., 2014). Melihat kepada kredibiliti guru sebagai orang yang kerap berkomunikasi dengan belia, selain ibu bapa dan keluarga,

Asmawati, et. al. (2001) di dalam kajiannya menjelaskan bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi kefahaman pelajar tentang etika dan moral. Justeru itu, pihak Kementerian Pendidikan meneruskan usaha penerapan nilai murni dengan melanjutkan usaha ini dengan pembentukan dan pengaplikasian Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dengan tujuan melahirkan belia yang bukan sahaja berjaya dari segi pencapaian di dalam kehidupan, bahkan dari aspek sahsiah diri.

### **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)**

Perubahan dalam sistem pendidikan yang cepat dan drastik seiring dengan era globalisasi di Malaysia menjadikan pihak Kementerian Pendidikan perlu sentiasa memperbaharui dan berdaya saing agar tidak ketinggalan dalam membentuk belia demi masa hadapan. Walaupun diakui bahawa sistem pendidikan tinggi Malaysia berkembang pesat dan kukuh sejak sedekad yang lalu, namun perubahan keperluan dan kehendak semasa memerlukan belia agar sentiasa mempersiap diri dengan ilmu dan tuntutan kemahiran mengikut peredaran zaman. Sebagai contoh, ilmu tentang *Internet of Things* seiring dengan perubahan ke arah Revolusi Perindustrian Ke-Empat (*Fourth Industrial Revolution*) memerlukan belia untuk mencakupi keperluan kemahiran seperti teknologi disruptif atau robotik. Namun begitu, pihak Kementerian Pendidikan tidak menagabaikan teras jati diri belia yang seharusnya ditanam secara mapan dalam diri mereka, iaitu keperluan sahsiah dan jati diri masing-masing sebagai rakyat Malaysia.

Demi memenuhi aspek perincian keperluan sahsiah dan jati diri sebagai belia Malaysia, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM) telah dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan pembinaan sahsiah individu. Tidak hanya fokus kepada kemahiran dan ilmu teori, pendidikan seimbang dengan memasukkan elemen pembentukan sahsiah dan jati diri dijadikan sebagai salah satu aspirasi penting dalam membentuk belia Malaysia. Aspirasi pelajar yang telah dimanfaatkan di dalam PPPM mempunyai enam aspek.

ASPEK	PENERANGAN	IMBANGAN
Etika & Kerohanian	Beretika dan bermoral, mempunyai kerohanian mantap, penyayang dan prihatin; menghayati pembangunan mampan dan gaya hidup sihat	 Akhlak (Etika dan Moral)
Kemahiran Memimpin	Komunikator yang berkesan, cerdas emosi dan mampu berinteraksi merentas budaya; bertanggungjawab, berdaya saing, cekal dan yakin	
Identiti Nasional	Mempunyai jatidiri kebangsaan dan memahami aspirasi negara	
Kemahiran Bahasa	Mahir dalam bahasa Melayu dan Inggeris, dan teruja untuk mempelajari satu bahasa global tambahan	 Ilmu (Pengetahuan dan Kemahiran)
Kemahiran Berfikir	Menghayati pendapat yang pelbagai, berfikir secara kritikal dan inovatif, dan berkemahiran menyelesai masalah serta berciri keusahawanan	
Pengetahuan	Menguasai bidang pilihan, mampu memandaat, menghubung dan mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari, dan mampu menghargai kesenian, kebudayaan, serta sains, teknologi kejuruteraan dan matematik (STEM)	

**Jadual 1: Aspirasi pelajar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dipetik dari Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia mukasurat 10 dan 11.**

Berdasarkan enam aspek yang diperuntukkan, jelas memperlihat usaha Kementerian Pendidikan dalam memperkasa belia Malaysia, bukan sahaja dari aspek ilmu pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga aspek akhlak, iaitu aspek etika dan moral. Ini amat bertepatan dengan isu yang dibangkitkan di dalam kertas kerja ini di mana ada sebahagian pihak melontarkan soalan mengenai relevansi ilmu ketamadunan dalam pembentukan sahsiah pelajar di institusi pendidikan pada era ini.

Fasa untuk memupuk semangat kecintaan terhadap negara bukan sesuatu yang mudah, apatah lagi bila usaha menyatupadukan pelbagai kumpulan etnik di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran dek kerana ketidaksefahaman dan ketidaktelusan tentang fahaman erti “kebebasan bersuara”. Untuk itu, PPPM ini dilaksanakan dalam tempoh 11 tahun mengikut tiga fasa iaitu Fasa Pertama (2015) dengan membina momentum dan meletak asas; Fasa Kedua (2016-2020) dengan memacu peningkatan system; dan Fasa Ketiga (2020-2025) iaitu dengan menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluasa operasi yang fleksibel. Walaupun transformasi ini mengambil masa yang agak panjang, namun transformasi system ini diyakini dapat memberi impak yang berkesan dan bertahan dalam tempoh masa yang panjang.

Untuk itu, 10 Lonjakan diperkenalkan dalam PPPM ini bagi mendorong kecemerlangan berterusan dalam pembentukan sahsiah belia Malaysia, tidak kira kepada belia bumiputera atau bukan bumiputera.



Gambarajah 1: 10 Lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dipetik dari *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia* mukasurat 14.

Bagi relevansi pendidikan ketamadunan, ia berkait rapat dengan Lonjakan Pertama: Graduan holistic, berciri keusahawanan dan seimbang, di mana, matlamat utama bagi PPPM adalah untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja mempunyai ilmu, bahkan menjaga aspek akhlak, tingkah laku, set minda dan adab agar belia ini menjadi rakyat yang sempurna. PPPM percaya bahawa ia merupakan pendidikan asas bagi membentuk rakyat Malaysia yang cemerlang. Justeru itu, para pelajar IPT diwajibkan untuk mengambil subjek ketamadunan bagi menambahbaik ekosistem pembangunan belia; dari segi ilmu dan sahsiah diri.

### **Matapelajaran Umum (MPU)**

MPU merupakan salah satu strategi di dalam pelaksanaan Lonjakan 1: Graduan holistik (lihat Gambarajah 1.0) di mana ia menyentuh aspek kemahiran berkomunikasi, keterampilan, penghayatan nilai-nilai murni, sejarah serta pengetahuan umum (Garis Panduan MPU, 2016). Pengenalan MPU tidak hanya bertujuan menyelaraskan matapelajaran di setiap IPT, bahkan untuk memberi impak yang lebih besar dalam pembinaan negara bangsa, penguasaan, peluasan dan pengaplikasian kemahiran insaniah serta pengukuhan dan peluasan pengetahuan di Malaysia. Untuk itu, Kementerian Pendidikan telah membahagikan MPU kepada empat kelompok iaitu:

Kelompok	Struktur MPU	Contoh kursus
U1	Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
U2	Penguasaan kemahiran insaniah	Kemahiran kepimpinan dan hubungan insan
U3	Perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia	Perbandingan agama
U4	Kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal	Khidmat masyarakat

**Jadual 1: Pelaksanaan kelompok U1, U2, U3 dan U4 dipetik dari *Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) mukasurat 3-6.***

Kelompok U1 memainkan peranan yang penting dan dilihat sebagai asas bagi MPU kerana ia bertujuan membentuk dan memupuk pelajar khususnya belia Malaysia agar sentiasa mempunyai pengetahuan dan penghayatan terhadap sejarah Malaysia.

Namun begitu, terdapat beberapa kelompok masyarakat yang tidak bersetuju dengan kursus wajib ini, khasnya kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Terdapat banyak perdebatan mengenai relevansi pendidikan ketamadunan bagi belia Malaysia. Hal ini telah dikaji oleh Mohd Koharuddin dan Zainuddin (n.d.), di mana dapatan kajian penyelidik mendapati kursus ketamadunan ini amat penting untuk menerbitkan rasa jati diri di kalangan belia Malaysia (Mohd Koharuddin & Zainuddin, n.d.).

Susulan dari isu ini, kertas kajian ini ingin mengkaji relevansi pengajian ketamadunan dari dua institusi pengajian swasta di sekitar Selangor. Hal ini kerana, pihak penyelidik percaya bahawa ilmu ketamadunan adalah penting bagi mengingatkan belia Malaysia bahawa sejarah tidak tercipta dengan mudah dan terdapat pelbagai nilai sejarah negara yang perlu diambil sebagai ikhtibar dan dorongan dalam pembentukan Malaysia bahkan belia Malaysia sendiri untuk menjadi individu yang seimbang dari segi ilmu dan sahsiah diri.

### Metodologi Kajian

Penyelidikan merupakan satu proses sistematik yang dirancang rapi berdasarkan pemilihan kajian yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Pemilihan kaedah penyelidikan amat penting bagi mendapatkan dapatan kajian yang boleh diterimakan. Dengan adanya proses yang bersistematis, menganalisis data, beremperikal, sah dan boleh dipercayai, dapatan kajian tersebut dapat digunakan sebagai rujukan oleh orang ramai (Ruhizan et. al. 2010; Bhasah & Yuslina, 2013). Untuk menjalankan penyelidikan, pemilihan metodologi kajian merupakan perkara yang amat penting. Ia mestilah dijalankan secara bersistematis dengan memenuhi cara, kaedah dan pendekatan yang bersesuaian untuk mencapai objektif kajian.

Bagi kajian ini, kajian kuantitatif telah dipilih untuk menjawab persoalan relevansi pendidikan subjek TITAS di universiti swasta. Kajian kuantitatif merupakan satu metodologi untuk menguji pembolehubah berdasarkan tajuk kajian yang telah ditetapkan. Data bagi kajian ini adalah berasaskan satu pungutan data melalui borang soal selidik, di mana data seperti maklumat demografi (jantina, umur, etnik, agama dan respon yang diperoleh) telah dirungkaikan di dalam borang ini. Persampelan bagi kajian ini adalah tertumpu kepada pelajar tempatan yang sedang dan telah mengambil subjek matapelajaran umum iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Kriteria ini telah dijadikan sebagai asas kepada dapatan kajian supaya data yang diperoleh adalah konsisten dan memenuhi objektiviti instrumen.

Setelah pelbagai maklumat diperoleh dari pungutan data borang kaji selidik ini, data-data ini diproses dan dianalisa dengan lebih mendalam dan akhirnya dimasukkan dalam kajian penyelidik sebagai dapatan kajian.

### **Dapatan Kajian**

Bagi kajian ini, borang soal selidik telah diedarkan kepada 100 orang pelajar yang pernah dan sedang mengambil matapelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Namun begitu, hanya 92 borang telah dikembalikan kepada penyelidik. Kajian ini melibatkan 59.8% (55) responden perempuan dan 40.2% (37) responden lelaki. Bagi taburan kaum yang mengambil bahagian dalam kaji selidik ini, 80.4% adalah responden kaum Cina, 12% kaum India, 4.3% kaum Melayu dan 3.3% lain-lain. Secara puratanya, kajian ini telah dijawab oleh responden sekitar umur 21-30 tahun (60.9%) dan kurang umur 20 tahun (39.1%).

Melalui kaji selidik ini, secara ringkasnya, berikut merupakan dapatan kajian yang telah diperoleh.

<b>INSTRUMEN</b>	<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>
Saya memperoleh manfaat dari matapelajaran TITAS	94.6% (87)	5.4% (5)
Saya mempunyai masalah dalam memahami matapelajaran TITAS	17.4% (16)	82.6% (76)
Saya cuba mengulangkaji matapelajaran TITAS untuk lebih memahami matapelajaran ini	80.4% (74)	19.6% (18)
Cara pengajaran guru merupakan faktor utama bagi saya memahami matapelajaran TITAS	94.6% (87)	5.4% (5)
Cara guru saya mengajar matapelajaran TITAS membuatkan saya lebih memahami pelajaran ini	98.9% (90)	0.2% (2)
Guru saya bersikap terbuka ketika pengajaran dan pembelajaran matapelajaran TITAS membuatkan saya selesa untuk bertanya perkara yang saya tidak faham (contohnya perkataan di dalam bahasa Melayu)	100% (92)	0%
Matapelajaran TITAS membantu saya memahami tentang sejarah Tamadun Islam dan Tamadun Asia	100% (92)	0%
Matapelajaran TITAS membantu saya mengenali sejarah penubuhan Malaysia melalui kewujudan Tamadun Melayu	95.7% (88)	4.3% (4)
Matapelajaran TITAS mengingatkan saya tentang kepentingan menjaga akhlak dan tingkah laku untuk berjaya di dalam kehidupan	87% (80)	13% (12)
Secara keseluruhannya, matapelajaran TITAS adalah relevan untuk diwajibkan kepada pelajar tempatan	81.5% (75)	18.5% (17)

Berdasarkan dapatan kajian ini, majoriti pelajar bersetuju bahawa matapelajaran TITAS memberi impak yang positif terhadap kehidupan mereka, khususnya dari segi pembentukan sahsiah diri seperti akhlak dan tingkah laku. Hal ini bertepatan dengan sasaran Kementerian iaitu mewujudkan penghayatan falsafah, nilai dan sejarah di dalam diri pelajar tempatan. Bahkan, pengenalan subjek MPU bertujuan untuk membantu dalam pembinaan Negara, bangsa, penguasaan, peluasan dan pengaplikasian kemahiran insaniah supaya pelajar tidak hanya tertumpu kepada material tentapi juga aspek rohani dan sahsiah diri. Hal ini kerana, matapelajaran TITAS tidak hanya menekankan tentang sejarah ketamadunan, tetapi juga asas kepada pembentukan setiap tamadun itu sendiri adalah berdasarkan kepada kepercayaan kepada agama dan Tuhan.

Kajian ini juga mendapati bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam membentuk sikap suka terhadap sejarah. Seperti yang kita sedia maklum, pengajaran ketamadunan merupakan pelajaran yang agak bosan berbanding matapelajaran lain. Justeru itu, cara pembelajaran dan

penyampaian guru terhadap pelajar seharusnya lebih efektif demi menarik minat pelajar untuk memahami dan menerima objektif pembelajaran dalam matapelajaran TITAS. Penggunaan bahasa Melayu, seperti yang disarankan oleh pihak Kementerian seharusnya diberi perhatian yang penuh bagi tenaga pengajar kerana penyampaian yang tidak berkesan kepada pelajar akan mengurangkan minat pelajar terhadap pelajaran ini.

Susulan dari kajian ini juga, dapatan kajian berjaya menjawab tajuk utama kajian ini iaitu relevansi pendidikan ketamadunan terhadap pelajar di insitusi pendidikan tinggi swasta. Biarpun berbeza agama dan budaya, 81.5% responden bersetuju dengan syarat pihak Kementerian iaitu mengambil matapelajaran umum (MPU) sebagai subjek wajib bagi para pelajar.

### **Perbincangan Dan Cadangan**

Secara asasnya, program pendidikan di institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta berteraskan kepada konsep bersepadu, di mana ia meliputi aspek penting sahsiah diri seperti akal, jasmani, rohani dan material (Noorlela Ahmad, 2004). Selain itu, menurut Zalika Adam dan Faridah Kassim (2002), skop pendidikan bersepadu ini meliputi matlamat pendidikan, kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran, sahsiah pendidik serta penerapan nilai murni di kalangan pelajar. Ini menunjukkan bahawa konsep bersepadu ini merupakan konsep holistik yang tidak hanya tertumpu kepada pelajar, tetapi juga pengajar.

Pelaksanaan dan mewajibkan pelajar mengambil subjek dalam MPU seperti TITAS dilihat sebagai satu inisiatif bijak oleh Kementerian dalam meraikan usaha konsep pendidikan bersepadu.

Berdasarkan dapatan kajian, walaupun terdapat minoriti responden iaitu sebanyak 17 responden memilih untuk tidak bersetuju dengan menjadikan MPU sebagai satu matapelajaran wajib bagi pelajar, namun, ia bertentangan dengan dapatan positif yang diperoleh daripada 75 responden, ia menunjukkan bahawa matapelajaran ini adalah relevan bagi membentuk kehidupan seharian para pelajar secara langsung dan tidak langsung. Namun begitu, harus diingat bahawa pengajar benar-benar memainkan peranan yang penting bagi menjayakan dan mencapai matlamat Kementerian, iaitu penghayatan nilai, falsafah dan negara bagi subjek MPU iaitu TITAS. Hal ini disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Azizi Yahaya, Nor'aini Saidin dan Raja Roslan Raja Abd. Rahman (n.d), di mana pengajaran dan pembelajaran guru merupakan salah satu aspek yang penting dalam membina hubungan positif antara pelajar dan matapelajaran tersebut.

Berdasarkan dapatan kajian ini, penyelidik mencadangkan agar pihak Kementerian sentiasa cakna tentang pendekatan semasa pengajaran dan pembelajaran silibus TITAS agar ia tidak pudar dek zaman. Selain itu, tenaga pengajar juga perlulah mengambil inisiatif untuk memperbaharui cara pengajaran dan pembelajaran dengan meraih ilmu agar ia dapat mencakupi keperluan dan pemahaman pelajar.

### **Bibliografi**

- Abd. Rashid Abd. Halim (2015). Pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam: Satu tinjauan terhadap persepsi pelajar-pelajar jurusan kejuruteraan teknologi di Universiti Kuala Lumpur-Malaysian Spanish Institute. *2<sup>nd</sup> International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*, 9-10 March 2015, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ang Kean Huat. (2016). Pengenalan rangkakerja metodologi dalam kajian penyelidikan: Satu kajian kes. *Malaysian Journal of Social Sciences & Humanities*. (1)(1). 17-23.

Asmawati Suhid, Rahyl Mahyuddin & Abdul Rahman Mad Aroff. (2001). Persepsi pelajar institusi pengajian tinggi terhadap Pendidikan Moral. Dibentangkan di *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral dalam Dunia Globalisasi*, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, pada 23-25 Mei 2001.

Azizi Yahaya, Nor'aini Saidun & Raja Roslan Raja Abd. Rahman (t.t). Persepsi pelajar terhadap keberkesanan pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah menengah. Disember 12, 2017. Dipetik dari [https://www.researchgate.net/profile/azizi\\_yahaya/publication/237599796\\_persepsi\\_pelajar\\_terhadap\\_keberkesanan\\_pengajaran\\_mata\\_pelajaran\\_kemahiran\\_hidup\\_sekolah\\_menengah/links/53f7605d0cf24ddb7d5ce89/persepsi-pelajar-terhadap-keberkesanan-pengajaran-mata-pelajaran-kemahiran-hidup-sekolah-menengah.pdf](https://www.researchgate.net/profile/azizi_yahaya/publication/237599796_persepsi_pelajar_terhadap_keberkesanan_pengajaran_mata_pelajaran_kemahiran_hidup_sekolah_menengah/links/53f7605d0cf24ddb7d5ce89/persepsi-pelajar-terhadap-keberkesanan-pengajaran-mata-pelajaran-kemahiran-hidup-sekolah-menengah.pdf)

Bhasah Abu Bakar & Yuslina Mohamed (2013). Metodologi penyelidikan. Universiti Sains Islam Malaysia: Negeri Sembilan.

Chander Vengadasalam, Wan Hasmah Wan Mamat, Fauziah Mail & Munimah Sudramanian. (2014). Domain Approach: An Alternative Approach in Moral Education. *Malaysian Online Journal of Educational Science*. (2)(4). 1-12.

Dzulkifli Abdul Razak. (2017). Revolusi industri ke-4: Mampukan menginsankan teknologi. Disember 19, 2017. Dipetik dari <http://www.majalahsains.com/revolusi-industri-ke-4-mampukah-menginsankan-teknologi/>

Kementerian Pendidikan. (1988). Falsafah Pendidikan Negara. Disember 19, 2017. Dipetik dari [http://web.jiaozong.org.my/doc/2009/rnr/edu\\_law/falsafah\\_pendidikan\\_negara.pdf](http://web.jiaozong.org.my/doc/2009/rnr/edu_law/falsafah_pendidikan_negara.pdf).

Kementerian Pendidikan Tinggi (2016). *Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU): Edisi Kedua*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya, Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Ringkasan Eksekutif: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya, Malaysia.

Mohd Koharuddin bin Mohd Balwi dan Zainudin bin Hassan. (n.d.). *Pendidikan ketamadunan dan cabaran pembinaan bangsa Malaysia: Sejauhmanakah ia mampu memupuk nilai-nilai jati diri, persamaan, toleransi, persefahaman dan kejayaan di kalangan pelajar universiti: Satu perbincangan*. Disember 12, 2017. Dipetik dari <https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=1&cad=rja&act=8&ved=0ahUKEwjDgLGu3ZLYAhVMK48KHdsVDycQFggpMAA&url=http%3A%2F%2Fprints.utm.my%2F2340%2F1%2FKoharuddin.doc&usg=A0Vwaw11BdbL7LtkYUxjv9EwyCUt>

Mohd Majid Konting. (1990) Cetakan Keenam (2006). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Noor Lela Ahmad. (2008). *Amalan penerapan nilai murni guru perakaunan dalam pengajaran Prinsip Perakaunan*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran nilai merentas kurikulum KBSR/KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ruhizan Mohd Yasin, Mohd Nizam Ab. Rahman, Zunuwan Mohamad & Saemah Rahman. (2010). Developing framework for intelligent laboratory management. *Procedia Social and Behavioral Sciences* (9). 1194-1197.

Wan Hasmah Wan Mamat. (2002). A qualitative investigation on the teaching of values education in Malaysian schools: Expectations and realities. *Jurnal Pendidikan*. (22). 137-154.

Zalika Adam & Faridah Kassim. (2002). Kemahiran kerja berpasukan: Etika dalam pekerjaan dari perspektif Islam. Disember 12, 2017. Dipetik dari [http://irep.iium.edu.my/7989/1/kemahiran\\_kerja\\_berpasukan.pdf](http://irep.iium.edu.my/7989/1/kemahiran_kerja_berpasukan.pdf).